



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	16/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JMG			

Sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian boleh beroperasi

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, semua aktiviti tidak perlu (*non-essential*) dalam sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian dibenarkan kembali beroperasi bermula hari ini di negeri Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Bagaimanapun, beliau berkata, kapasiti pengoperasian adalah bergantung kepada kadar vaksinasi lengkap pekerja.

Muhyiddin menambah kapasiti pengoperasian 100 peratus dibenarkan sekiranya kadar vaksinasi lengkap pekerja berada pada tahap 80 peratus hingga 100 peratus; 80 peratus kapasiti pengoperasian (kadar vaksinasi 60 peratus hingga 79 peratus); manakala 60 peratus kapasiti pengoperasian (kadar vaksinasi 40 peratus hingga 59 peratus).

Muhyiddin berkata, kerajaan sedar keputusan itu akan menimbulkan pelbagai reaksi umum yang bimbang dengan risiko penularan namun setiap ketetapan dibuat dengan berhati-hati.

"Selepas lebih setahun ne-



HM, 16 Ogos 2021_7

Selepas lebih setahun negara berada dalam situasi pandemik, banyak majikan mula mengurangkan tenaga kerja, sekali gus menyebabkan ramai hilang pekerjaan. Dalam situasi sukar ini, kerajaan tidak boleh membiarkan keadaan ini berlarutan"

Muhyiddin Yassin

gara berada dalam situasi pandemik, banyak majikan mula mengurangkan tenaga kerja, sekali gus menyebabkan ramai hilang pekerjaan.

"Dalam situasi sukar ini, kerajaan tidak boleh membiarkan keadaan ini berlarutan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Muhyiddin turut menzahirkan harapan agar kemudahan yang diumumkan semalam dapat merancakkan semula perusahaan majikan.

Justeru, beliau mengingatkan semua majikan supaya

mematuhi dan memenuhi syarat yang ditetapkan sebelum memulakan semula operasi bagi memastikan keselamatan pekerja dan tempat kerja terjamin.

Pada masa yang sama, majikan turut digesa memanfaatkan sepenuhnya inisiatif subsidi upah disediakan kerajaan bagi memastikan setiap pekerja memperoleh bayaran gaji mereka.

Kepada pekerja, Muhyiddin berkata, laporan segera perlu dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di cprc@moh.gov.my atau Kementerian Dalam Negeri di aduan.sop@moha.gov.my atau Kementerian Sumber Manusia melalui aplikasi *Working For Workers* (WFW) sekiranya majikan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Kuasa di tangan anda sebagai pekerja kerana majikan yang tidak mematuhi SOP dan melanggar Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) boleh dikompau dan dihadapkan ke mahkamah.

"Di bawah akta ini juga, KKM ada kuasa penuh untuk memberi notis perintah tutup premis," katanya.

Menurut Muhyiddin, dari tempoh 26 Julai hingga 10 Ogos, lebih 900 premis diarahkan tutup kerana kegagalan mematuhi SOP.

Ini sekali gus membuktikan kerajaan amat tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan, tambah beliau.

